




**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
2. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST)** (bagi kerja elektrik sahaja). Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini juga **WAJIB berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran boleh dibuat di Jabatan Kejuruteraan.** Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh tutup sebutharga.
3. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN.** Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. Sekiranya kontraktor memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut sila berhubung dengan Jabatan yang berkaitan (seperti dalam naskah sebutharga). **Borang Sebutharga boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor (Blok A).** Kontraktor **WAJIB** membawa dokumen-dokumen asal seperti yang dinyatakan pada perenggan 2 semasa proses pendaftaran dan pembelian naskah sebutharga.
4. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN.**

5. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD berhak untuk tidak menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
6. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun Majlis berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
7. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
8. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **HASNOR BIN ABD HAMID**

Jawatan : **Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Port Dickson

Tarikh : **3/4/2024**

Tarikh Iklan : 15.4.2024

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
S0008/24 RM50.00	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KABEL LAMPU JALAN BAWAH TANAH TAMAN PERINDUSTRIAN PERDANA BUKIT PALONG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD Tarikh : 22.4.2024 (ISNIN) hingga 29.4.2024 (ISNIN)	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD Tarikh : 29.4.2024 (ISNIN) Jam 12.00 t/hari
S0021/24 RM50.00	CADANGAN MENAIKTARAF TANDAS AWAM TANJUNG AGAS SERTA KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		
S0022/24 RM50.00	CADANGAN MENAIKTARAF TANDAS AWAM BANDAR SUNGGALA 1 & 2 SERTA KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		
S0023/24 RM50.00	CADANGAN MENAIKTARAF TANDAS AWAM DATARAN TELOK KEMANG SERTA KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		

S0024/24 RM50.00	CADANGAN MENAIKTARAF TANDAS AWAM PANTAI SAUJANA 1 & 2 SERTA KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD Tarikh : 22.4.2024 (ISNIN) hingga 29.4.2024 (ISNIN)	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD Tarikh : 29.4.2024 (ISNIN) Jam 12.00 t/hari
S0025/24 RM50.00	CADANGAN MENAIKTARAF TANDAS AWAM PADANG MERDEKA SERTA KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		
S0026/24 RM50.00	PEMASANGAN LAMPU SOLAR DI LALUAN LOJI KUMBAHAN DAN LORONG 5, BANDAR SUNGGALA, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI ME PENGKHUSUSAN E11		
S0027/24 RM50.00	CADANGAN MENYELENGGARA KOLAM TAKUNGAN TAMAN DESA, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21		
S0028/24 RM50.00	CADANGAN MENYELENGGARA KOLAM TAKUNGAN PUSAT PERNIAGAAN LUKUT PRIMA, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21		

S0029/24 RM50.00	CADANGAN MENYELENGGARA KOLAM TAKUNGAN TAMAN INTAN PERDANA, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21		
S0030/24 RM50.00	CADANGAN MENYELENGGARA KOLAM TAKUNGAN TAMAN LUKUT MAKMUR, MP PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21		
S0031/24 RM50.00	MENAIKTARAF MENGECAT, HARTA BERSAMA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SUTERA LAMA	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		
S0032/24 RM50.00	KERJA-KERJA MENYELENGGARA KEMUDAHAN REKREASI TAMAN JIMAH INDAH SITE A, KG BARU SUNGAI NIPAH, TAMAN WAWASAN, SPRINGHILL FASA 10, TAMAN VISTA JAYA, DATARAN SEGAR (JLN 2/11), TAMAN NESA, TAMAN NEGERI, TAMAN SAMUDRA, TAMAN DESA PD (JLN DESA PD 5, JLN DESA PD 3) SERTA TAMAN LINGGI PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14		
S0033/24 RM150.00	CADANGAN MENAIKTARAF MEDAN SELERA SRI BAYU SERTA KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		

S0034/24 RM150.00	MENAIKTARAF PASAR PORT DICKSON SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		
----------------------	--	--	--	--

***NOTA – Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan.
Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.**

Kaunter Jualan Sebutharga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-

- | | | |
|----------------------------|----------|------------------------------------|
| Isnin hingga Khamis | - | 8.30 pagi - 1.00 tengahari |
| | - | 2.00 petang - 3.00 petang |
| Jumaat | - | 8.30 pagi - 12.15 tengahari |